



**UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
AL-SULTAN ABDULLAH**

JABATAN HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI

**PEMAKLUMAN PENTADBIRAN DAN OPERASI PENGURUSAN PELAJAR
KALI KE-204 BIL.11/2026**

**SEMAKAN SEMULA ELAUN PEGAWAI PENGIRING PROGRAM DAN AKTIVITI BADAN
PELAJAR UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH (UMPSA)**

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

1. Dengan sukacitanya dimaklumkan bahawa Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) telah membuat **semakan semula kadar elaun Pegawai Pengiring Program dan Aktiviti Badan Pelajar** selaras dengan kelulusan dalam **Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan (JTK) Kali Ke-64 Bilangan 1/2026**.
2. Sehubungan dengan itu, Kadar Elaun Pegawai Pengiring Program dan Aktiviti Badan Pelajar telah **dinaikkan dari RM50.00 sehari kepada RM90.00 sehari**. Kenaikan elaun tersebut bertujuan bagi memastikan setiap aktiviti badan pelajar dapat dilaksanakan secara tersusun, telus dan berintegriti.
3. Walau bagaimana pun, kelulusan kenaikan Elaun Pegawai Pengiring Program dan Aktiviti Pelajar adalah tertakluk kepada ketetapan seperti berikut:
 - a) Terhadap kepada maksimum **sehingga 5 hari** bagi satu-satu program/aktiviti.
 - b) Jumlah tuntutan program adalah maksimum untuk **4 kali setahun** sahaja (dalam negara).
 - c) Program/aktiviti yang **kurang 8 jam (termasuk perjalanan)** atau **tidak bermalam** adalah disyorkan untuk kadar **separuh (RM45.00)** tertakluk kepada peraturan berkuat kuasa serta lampiran dokumen berkaitan.
4. Sebarang pertanyaan lanjut boleh dibuat dengan hadir secara terus ke **Pejabat Akademi ADAB** atau melalui e-mel adab@umpsa.edu.my atau menghubungi kami di talian 09-431 5079.

Sekian, terima kasih.

Dikeluarkan oleh:

**Akademi ADAB
Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah
Tarikh: 27 Februari 2026**